

# MAJLIS TAHLIL DAN BACAAN YASIN BAKAT UDARA PU BUTTERWORTH



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4563-majlis-tahlil-dan-bacaan-yasin-bakat-udara-pu-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4563-majlis-tahlil-dan-bacaan-yasin-bakat-udara-pu-butterworth)



BUTTERWORTH, 22 Feb 19 - Biro Kesihatan Rohani BAKAT Udara Pangkalan Udara Butterworth telah menganjurkan majlis Tahlil dan Bacaan Yasin sempena aktiviti tahun 2019. Seramai 34 orang hadir bagi menjayakan majlis yang bertempat di Rumah BAKAT Pangkalan.

Majlis dimulakan dengan selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang dipimpin oleh Ustazah Sjn Noor Zarihan binti Zainol Abidin. Seterusnya majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pengurus BAKAT PU Butterworth, Puan Nur Shahidaa binti Abdullah.

